اكاديمي القرءان - ميديك مليسيا
AKADEMI AL-QUR'AN-MEDIC MALAYSIA SDN BHD (746571-U)
No. 7 Jalan 2/1D, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: +603-8926 7045; Faks: +603-8926 7043; admin@aqm.my; www.aqm.my

# JADUAL TINDAKAN

**PELAJAR PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI**
**Ke Universiti Al-Azhar & Universiti Zagazig, Mesir (yang diiktiraf oleh JPA)**
**Kemasukan September 2012**

| PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|
| **1) Kelayakan masuk**<br>Mendapat sekurang-kurangnya **gred B** dalam **SPM** bagi subjek-subjek **Matematik, Matematik Tambahan, Biologi, Kimia dan Fizik** ATAU A Level England dalam matapelajaran yang berkaitan ATAU kelayakan-kelayakan lain seperti matrikulasi, diploma & degree yang berkaitan boleh dipertimbangkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak universiti. | Kelayakan masuk |
| 2) Buat permohonan dengan mengisi **Borang Permohonan Akademi Al-Qur`an – Medic Malaysia/AQM** (muat turun dari www.aqm.my).<br>Sila hantar borang tersebut melalui e-mel / faks / Poslaju / serahan tangan ke pihak AQM. | Segera |
| 3) AQM akan mengeluarkan surat tawaran bagi pihak universiti kepada pelajar yang layak. Salinan surat akuan dari universiti di Mesir akan disertakan. | AQM |
| 4) Pelajar segera buat **pasport antarabangsa** di Imigresen Malaysia dengan menggunakan surat tawaran belajar bagi mendapat potongan 50% caj yuran pasport. | Sejurus terima surat tawaran/pengesahan tempat belajar. |
| 5) Setelah lengkap terus hantar kepada AQM (sebaik-baiknya dengan Pos Laju):<br>a) 2 jenis borang yang diperlukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (**Sijil Sokongan Luar Negara** dan **Surat Tiada halangan Belajar di Luar Negara**) . | Segera |

| | |
|---|---|
| Sila muat turun borang tersebut dari www.mohe.gov.my atau www.aqm.my.<br>Sila baca dengan teliti syarat-syarat dan dokumen yang diperlukan oleh KPT. Borang ini akan disemak oleh AQM dan seterusnya akan dihantar kepada KPT oleh pelajar / ibubapanya atau oleh AQM.<br><br>b) Dokumen/item lain yang diperlukan oleh AQM (hantarkan bersama borang-borang di atas secara Pos Laju):<br>i) Fotokopi muka pertama pasport antarabangsa pelajar (bagi tujuan membeli tiket penerbangan dan pendaftaran di universiti).<br>ii) Salinan sijil kelahiran pelajar.<br>iii) Salinan kad pengenalan pelajar.<br>iv) Salinan sijil SPM dan lain-lain sijil yang berkaitan.<br>v) Salinan Kad Pengenalan ibu dan bapa.<br>vi) Sejumlah 16 keping foto ukuran pasport bagi tujuan borang-borang KPT di atas, rekod AQM dan pendaftaran pelajar di Mesir (KPT Mesir, Universiti dan Education Malaysia di Kaherah). Tuliskan nama penuh pelajar di bahagian belakang foto tersebut pada setiap helaian foto. | |
| 6) Bayar yuran sejumlah RM18,000 mengikut jadual berikut:<br><br>RM2,000.00 — Dalam tempoh 14 hari selepas tarikh surat tawaran.<br>RM8,000.00 — Selewat-lewatnya pada 30 Jun 2012.<br>RM8,000.00 — Selewat-lewatnya pada 31 Julai 2012. | Sila rujuk jadual pembayaran. |
| 7) Kursus Orientasi Pelajar selama 8 hari akan diadakan pada bulan Julai 2012. Tempat akan dimaklumkan kemudian. | Setelah pembayaran yuran dibuat. |
| 8) Anggaran kos sara hidup terkini di Zagazig adalah antara RM300.00 - RM500.00, manakala di Kaherah antara RM500 - RM650 sebulan. Sila buka akaun Bank HSBC ("**akaun bersama**" pelajar dan ibu atau bapa) bagi memudahkan ibu bapa menghantar wang sara hidup bulanan. HSBC mempunyai banyak cawangan di Mesir dan ATMnya berada di banyak tempat termasuk di dalam kampus. | Bulanan – ibubapa menghantar terus kepada pelajar. |
| 9) Penerbangan ke Mesir dirangkakan pada pertengahan September 2012. Keperluan pengangkutan dan logistik | • Bagasi *(Luggage)* Maksimum 30 kg. |

| | |
|---|---|
| ketika tiba di Kaherah kelak akan diurus dan disediakan oleh pihak AQM. Jadual sebenar penerbangan akan dimaklumkan kemudian oleh AQM setelah mendapat pengesahan. | • Bagasi tangan *(Hand luggage)* Maksimum 7 kg. |
| 10) Kuliah dirangkakan bermula pada penghujung September 2012. | Pihak universiti, Sekretariat AQM Mesir & Pelajar |
| **NOTA**:<br>Sila rujuk www.aqm.my dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat terkini. | Pelajar |

Sebarang pembayaran adalah atas nama **Akademi Al-Qur`an – Medic Malaysia Sdn Bhd** (**CIMB: 1215 0000 206 104**). Sekiranya wang dimasukkan ke dalam bank secara tunai atau secara talian, sila fakskan (03-8926 7043) atau poskan atau emelkan slip kemasukan wang tersebut kepada AQM dengan menulis **nama penuh pelajar** dan **No. Kad Pengenalan pelajar** di atas slip tersebut. Resit rasmi penerimaan pembayaran tersebut akan AQM hantarkan kepada pelajar melalui pos.

Pertanyaan lanjut, hubungi telefon 03-8926 7045, atau:

a) Profesor Dr. Razali Nawawi *(013-369 0263)*
b) Hj. Shirajuddin Sirat *(019-233 6611; admin@aqm.my)*
c) Mejar Hj. Jamil Othman (Bersara) *(017-881 2790)*
d) En. Mohd Khairudin Mohd Nor *(019-660 8338; mkhairudin@aqm.my)*

*Kemaskini:* ***6 Januari 2012***